

20 SEP 2003

Kayveas-India

USAHAWAN INDIA PERLU TEROKAI PERNIAGAAN BARU

IPOH, 20 Sept (Bernama) -- Usahawan India diminta mengubah sikap dengan menceburi perniagaan baru bagi meningkatkan perniagaan masing-masing, kata Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas.

Beliau berkata kini ramai usahawan India, terutama usahawan kecil, menjalankan perniagaan yang telah diusahakan orang lain dan mengekalkannya walaupun keadaan sudah berubah.

Katanya ada usahawan India yang menjalankan perniagaan yang dimulakan masyarakat Cina sejak 20 tahun lalu dan kini sudah tidak diusahakan lagi kerana tidak boleh memberikan pulangan yang banyak.

"Mereka mengatakan mereka tidak mempunyai banyak peluang tetapi sebenarnya peluang itu banyak tetapi mereka tidak menyedarinya atau mengambil kesempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Perniagaan Kebangsaan Persatuan Peniaga India Malaysia (MIBA) di sini hari ini.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berharap MIBA akan dapat memainkan peranan dengan membuat satu gerbang peluang-peluang yang ada bagi usahawan India yang ditawarkan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

"Ini merupakan saluran yang baik untuk usahawan India. Gerbang tersebut perlu dikemaskinikan dengan peluang-peluang yang ada. Ini adalah antara langkah yang boleh digunakan untuk memperbaiki perniagaan usahawan India," katanya.

Kayveas berkata keadaan sudah berubah dan para usahawan tidak lagi hanya menunggu peluang yang ada, sebaliknya perlu mencipta dan mencari peluang.

"Usahawan India mempunyai tiga budaya yang tidak elok iaitu mengadu, mencari alasan dan menyalahkan orang lain. Mereka perlu bebas daripada budaya itu," katanya.

Beliau berkata bajet 2004 yang dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, banyak bantuan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) tetapi beliau berharap ia tidak disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.

"Ada maklumat yang saya dapat, peminjam tidak mendapat sepenuhnya duit yang mereka mohon. Jika dia mohon pinjaman RM25,000, dia hanya dapat RM20,000 manakala selebihnya tidak diketahui ke mana perginya," katanya.

-- BERNAMA

KAY LAT